

PENSYARIATAN HUKUM *AL-MAFQUD* DALAM PEWARISAN DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA: SUATU ANALISIS

(The Legislation of al-Mafqud in Inheritance and Legal Provisions of Laws in Malaysia: An Analysis)

*Mohd Muslim Salleh
alfarady@gmail.com

Siti Mashitoh Mahamood
mas68@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Julai 2019

Sila rujuk: Mohd Muslim Salleh dan Siti Mashitoh Mahamood. (2019). Pensyariatan hukum al-Mafqud dalam peruntukan undang-undang di Malaysia: Suatu analisis. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(2), 303-323.

Abstrak

Undang-undang Syariah telah menetapkan bahawa *al-Mafqud* tidak dianggap mati akan tetapi memerlukan bukti atau pemeriksaan bagi tempoh tertentu. Setelah ada bukti yang menunjukkan bahawa orang yang hilang itu telah terkorban barulah *al-Mafqud* tersebut dikira sebagai pewaris yang telah meninggal dunia. Kajian ini menggunakan metodologi berbentuk kualitatif dan data diperoleh menerusi kaedah kepustakaan serta dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa kes *al-Mafqud* tidak boleh dianggap sebagai mati *haqiqi* atau mati *hukmi* kerana seseorang itu dikira sebagai masih hidup sehinggalah diputuskan oleh hakim. Kajian mendapati tiada penggubalan undang-undang dalam bentuk substantif yang dilakukan bagi kes *al-Mafqud* di negara ini serta tiada keselarasan undang-undang dalam pentadbiran harta pusaka tersebut. Kajian merumuskan bahawa *al-Mafqud* berhak mewarisi harta pusaka daripada ahli warisnya yang telah meninggal dunia berdasarkan hukum faraid yang telah ditetapkan oleh syarak.

Kata kunci: Undang-undang Islam, *fara'id*, harta pusaka, *al-Mafqud*

Abstract

The Shari'a law has determined that al-Mafqud (a missing person) is not considered to be dead but requires evidence or investigation for a certain period of time. After the evidence shows that the missing person has died then al-Mafqud is considered to be deceased. This study was conducted employing a qualitative methodology and the data was obtained through library research and analysed descriptively. The results of the study show that al-Mafqud should not be regarded as a haqiqi (actual) or hukmi (presumptive) death because a person who al-Mafqud is considered to be alive until decided otherwise by a judge. The study found that no substantive laws have been legislated for al-Mafqud cases in the country, there are no uniform laws in the administration of al-Mafqud's estate. The study concludes that al-Mafqud is entitled to inherit the estate of his deceased benefactor based on faraid law in the Syariah.

Keywords: Islamic law, faraid, inheritance, al-Mafqud

PENGENALAN

Al-Mafqud ialah seseorang yang hilang dan tiada khabar berita tentang dirinya, sama ada dia masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Tiada bahan bukti yang menunjukkan bahawa orang yang hilang itu telah meninggal dunia. *Al-Mafqud* tidak dianggap sebagai orang yang telah mati tetapi memerlukan bukti atau melalui beberapa tempoh. Setelah ada bukti yang menunjukkan bahawa orang yang hilang itu telah terkorban atau telah mati, dengan bukti tersebut *al-Mafqud* dikira sebagai waris yang telah meninggal dunia. Fuqaha bersepakat bahawa *al-Mafqud* tidak dianggap sebagai telah mati kerana seseorang itu asalnya hidup kecuali ada bukti yang menunjukkan *al-Mafqud* itu telah mati, atau telah sampai tempoh pada kebiasaannya secara *Zanni* bahawa dia (*al-Mafqud*) tidak hidup lebih daripada usia itu (al-Luĥim 1986).

Terdapat beberapa kajian dan penulisan terdahulu yang telah membincangkan berkaitan dengan *al-Mafqud* serta mengemukakan hasil dapatan kajian mereka berserta model, hukum dan konsep dalam pentadbiran harta pusaka. Antaranya termasuklah tesis yang berjudul "Permohonan Anggapan Mati dari Aspek Kekeluargaan Islam: Kajian di Mahkamah Syariah di Malaysia" ditulis oleh Halimatun Sa'adiyah (2012). Seterusnya, tesis sarjana kedoktoran yang bertajuk "Al-Mafqud: Problematika dan Penyelesaian Harta Orang Hilang Menurut Perundangan Syariah di Malaysia" oleh Ibrahim (2013). Selain itu, makalah yang bertajuk "Anggapan Kematian al-Mafqud

Menurut Undang-undang Sivill dan Syariah: Satu Penilaian Semasa” yang dihasilkan oleh Mohamed Hadi (2014), yang membincangkan mengenai status *al-Mafqud* menurut undang-undang.

Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa penulisan terdahulu mengenai harta pusaka tidak sekadar membahaskan hukum, bahkan lebih luas daripada itu termasuklah perbincangan tentang pengurusan dan pentadbiran harta pusaka, serta perancangan terhadap harta tersebut, dan perbincangan tentang isu harta pusaka yang tidak dapat diselesaikan. Dalam kajian ini pengkaji membahaskan masalah dalam pentadbiran harta pusaka bagi kes *al-Mafqud* secara komprehensif dari aspek hukum syarak dan perundangan di negara ini. Dengan demikian, diharapkan kajian ini dapat memberikan input baharu yang dapat dimanfaatkan daripadanya.

PENSYARIATAN HUKUM FARAIID

Sebelum Nabi Muhammad SAW diutuskan oleh Allah SWT kepada Bani Ismail, iaitu bangsa Arab, mereka ini hidup dalam keadaan jahil dikenali sebagai zaman jahiliah. Pensyariatian hukum faraid dapat dibahagikan kepada dua zaman, iaitu sebelum dan selepas kedatangan Islam.

Zaman Jahiliah

Bangsa Arab pada zaman jahiliah telah meletakkan kaedah untuk mewarisi harta pusaka kepada dua kategori, iaitu dengan nasab dan sebab.

Nasab

Hak mewarisi harta pusaka dengan kaedah nasab pada bangsa Arab zaman jahiliah hanya diberikan kepada golongan lelaki dewasa, yang mempunyai kekuatan dan keberanian, serta kepandaian berkuda dan berperang. Hak mewarisi harta pusaka tidak diberikan kepada kanak-kanak dan golongan wanita (Nasir, 2011).

Sebab

Pewarisan harta pusaka melalui kaedah sebab pada bangsa Arab zaman jahiliah terbahagi kepada dua, iaitu:

- Sebagai anak angkat, golongan lelaki pada ketika itu boleh mengambil anak orang lain sebagai anak angkat mereka. Mereka menasabkan anak itu kepada mereka sendiri bukan kepada bapanya yang sebenar (secara

khususnya terpakai untuk anak lelaki sahaja, kerana golongan wanita tiada hak mewarisi harta pusaka ketika itu). Perbuatan ini membolehkan mereka dan anak angkat mereka saling mempusakai satu sama lain (Hilmi Haniz, 2013).

- Perjanjian atau sumpah, iaitu apabila berlaku perjanjian atau sumpah antara dua pihak untuk mewarisi harta pusaka walaupun mereka bukan ahli waris. Sekiranya berlaku kematian maka pihak yang masih hidup akan mewarisi harta si mati (Nasir, 2011).

Arab jahiliah mengamalkan kaedah nasab dan sebab dalam institusi pembahagian harta pusaka sehinggalah Nabi Muhammad SAW diutuskan oleh Allah SWT yang menyinari alam ini dengan cahaya kebenaran daripada kegelapan kezaliman serta membawa rahmat kepada seluruh alam.

Zaman Selepas Kedatangan Islam

Setelah kedatangan Islam, kaedah pembahagian harta pusaka dalam kalangan bangsa Arab telah digantikan dengan hukum pembahagian harta pusaka Islam yang dapat dibahagikan kepada empat fasa:

Fasa Pertama

Pada permulaan Islam, pewarisan harta pusaka dalam kalangan orang Islam dilaksanakan dengan kaedah perjanjian atau sumpah setia antara satu sama yang lain. Pada awalnya Islam mengharuskannya seperti dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan mana-mana orang yang kamu telah membuat ikatan setia dengan mereka (untuk bantu-membantu dalam masa kecemasan dan kesusahan) maka berikanlah kepada mereka bahagiannya. Sesungguhnya Allah sentiasa menyaksikan tiap-tiap sesuatu.”

(*Surah al-Nisa*’ 4:33)

Kemudian hukum tersebut dihapuskan seperti dinyatakan oleh Imam al-Tabari (2000) dalam pentafsiran ayat tersebut (*Surah al-Nisā*’ pada ayat 33) bahawa seorang lelaki telah memeterai perjanjian (untuk mewarisi harta pusaka) dengan seorang lelaki yang lain, sedangkan mereka tiada ikatan

dalam nasab, maka mereka mewarisi harta pusaka antara satu sama yang lain, kemudian hukum ini dimansuhkan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak atas setengahnya yang (lain) menurut (hukum) kitab Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(*Surah al-Anfal* 8:75)

Fasa Kedua

Setelah Rasullullah SAW berhijrah ke Madinah, umat Islam mewarisi harta pusaka melalui ikatan persaudaraan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW antara Muhajirin dengan Ansar. Mereka bukan saudara kandung atau saudara sebapa atau seibu, hanya atas dasar persaudaraan dalam Islam. Golongan Muhajirin boleh mewarisi harta pusaka daripada golongan Ansar dan sebaliknya. Firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Anṣār) yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain. Dan orang-orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikit pun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan.”

(*Surah al-Anfal* 8:72)

Kemudian hukum tersebut dihapuskan dengan penurunan *Surah al-Nisa*’ ayat 33 seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Bukhārī (2004, p. 4580) dalam hadis yang bermaksud:

“Daripada Ibnu ‘Abbās telah berkata: Bahawa golongan Muhajirin ketika tiba di Madinah mereka mewarisi harta pusaka daripada golongan Ansar.

Mereka bukan daripada kalangan kaum kerabat, akan tetapi hanya dengan persaudaraan yang dipersaudarakan oleh Nabi SAW antara mereka. Sehingga turunnya ayat ini: '(Maksudnya): Dan bagi tiap-tiap (lelaki dan perempuan yang telah mati), kami telah tetapkan orang-orang yang berhak mewarisi peninggalannya, iaitu ibu bapa dan kerabat yang dekat.' Surah al-Nisa' ayat 33. Dibatalkan hukum tersebut."

(al-Bukhārī)

Dengan penurunan ayat Quran di atas, hukum mewarisi harta pusaka melalui ikatan persaudaraan antara golongan Muhajirin dan Ansar telah dimansuhkan.

Fasa Ketiga

Pada peringkat awalnya hukum Islam mewajibkan bagi kedua-dua ibu bapa untuk membuat wasiat sebelum tiba saat kematian. Hal ini jelas dapat dilihat dalam firman-Nya yang bermaksud:

"Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa."

(*Surah al-Baqarah* 2:180)

Setelah itu, ayat ini dipinda hukumnya dan digantikan dengan hukum faraid seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Kathir dalam pentafsiran ayat ini apabila beliau menyatakan bahawa setelah ayat al-Mawarith diturunkan kepada umat Islam sebagai sumber hukum dalam pembahagian harta pusaka Islam, maka hukum ini dimansuhkan (Ahmad Muhammad Syakir, 2005). Imam Abu Dawud (2005, p. 2869) juga meriwayatkan hadis dalam sunannya yang bermaksud:

"Daripada Ibnu Abbas: firman Allah SWT '(apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat)'. Adalah (pada awal Islam) wasiat diwajibkan perkara itu sehinggalah dipinda dengan ayat al-Mawarith."

(Riwayat Abu Dawud)

Fasa Keempat

Setelah ayat *al-Mawarith* diturunkan, semua kaedah pewarisan yang diamalkan sebelum ini telah dipinda dengan hukum faraid mengikut ketetapan dan kaedah pembahagian harta pusaka dalam ayat *al-Mawarith*. Umat Islam diwajibkan beramal dengannya. Menurut Nasir (2011) bahawa dalam al-Quran terdapat empat ayat *al-Mawarith* yang menyatakan secara terperinci dalam pembahagian harta pusaka orang Islam iaitu:

(1) Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah perintahkan kamu (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih daripada dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa si mati, tiap-tiap seorang dari keduanya seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak.”

(*Surah al-Nisa’* 4:11)

Walau bagaimanapun, jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Jika si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembahagian itu) sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui sesiapa antara mereka yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing yang diterangkan itu ialah) ketetapan daripada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi amat bijaksana.

(2) Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan bagi kamu satu perdua daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat daripada harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah membayar

hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat daripada harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak, tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri) ialah satu perlepasan daripada harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan. Dan sesudah dibayar hutang kamu.”

(*Surah al-Nisa* '4:12)

Sekiranya si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang daripada keduanya ialah satu perenam. Jika mereka (saudara yang seibu itu) lebih daripada seorang maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris). (Tiap-tiap hukum itu) ialah ketetapan daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyebar.

(3) Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepada kamu (wahai Muhammad) katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara al-kalālah itu, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(*Surah al-Nisa* '4:176)

(4) Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang beriman sesudah itu, kemudian mereka berhijrah dan berjihad bersama-sama kamu, maka mereka adalah daripada golongan

kamu. Dalam pada itu, orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, sesetengahnya lebih berhak atas sesetengahnya yang (lain) menurut (hukum) kitab Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(*Surah al-Anfal* 8:75)

Berdasarkan nas di atas, para fuqaha Islam telah mengambilnya sebagai sumber perundangan Islam dalam mengisbatkan waris, menentukan kadar dan cara pembahagian harta pusaka. Pada zaman khalifah Umar al-Khattab r.a. pernah berlaku peristiwa tentang *al-Mafqud* seperti yang diceritakan oleh Abdul Rahman bin 'Abi Laila, iaitu ketika zaman khalifah Umar al-Khattab r.a. seorang lelaki yang dihilangkan oleh jin dalam tempoh melebihi empat tahun. Oleh itu, Umar al-Khattab telah menetapkan hukum bagi kes *al-Mafqud* dengan membenarkan isteri lelaki yang hilang tersebut berkahwin dengan lelaki yang lain setelah menunggu selama empat tahun, kemudian suami wanita tersebut kembali semula setelah sekian lama hilangnya. Peristiwa ini telah diriwayatkan oleh Imam Baihaqi (2003, p. 15570) dalam hadis yang bermaksud:

“Daripada Abdul Rahman bin 'Abi Laila (telah menceritakan bahawa), seorang lelaki dalam kalangan kaumnya, iaitu daripada golongan Ansar telah keluar pada suatu malam untuk menunaikan solat Isyak bersama-sama kaumnya, lelaki tersebut telah ditangkap oleh Jin. Setelah itu datanglah isterinya kepada Umar al-Khattab r.a. seraya menceritakan mengenai suaminya yang hilang tanpa khabar berita tersebut. Umar al-Khattab r.a. menanyakan saksi daripada kaumnya, mereka menyatakan: ‘Benar, dia (suami wanita tersebut) telah keluar untuk solat Isyak kemudian ia hilang’, maka Umar al-Khattab r.a. mengarahkan wanita tersebut untuk menunggu selama empat tahun.”

Apabila telah berlalu tempoh empat tahun, wanita tersebut telah datang bertemu semula dengan Umar al-Khattab r.a. menceritakan keadaan yang sama. Beliau menanyakan saksi dari kaumnya, mereka menjawab: “Betul (apa yang dinyatakan)”. Umar al-Khattab r.a. membenarkan wanita tersebut untuk berkahwin lain. Maka berkahwinlah wanita tersebut dengan lelaki yang lain. Setelah itu kembali semula suaminya yang hilang tersebut, berlakulah pertelingkahan antara mereka dan dibawa kepada Umar al-Khattab r.a. seraya beliau berkata: “Seseorang dalam kalangan kamu telah menghilangkan dirinya dalam tempoh yang sangat lama sehingga ahli keluarganya tidak mengetahui bagaimana keadaannya hidup atau sebagainya!” lelaki tersebut berkata: “Sesungguhnya saya ada keuzuran wahai Amirul Mukminin” beliau

bertanya: “Apakah kezururan kamu?” Lelaki tersebut menjawab: “Saya keluar untuk menunaikan solat Isyak (pada suatu malam), lalu jin telah menahan dan menangkap saya tinggal di tempat mereka dalam masa yang sangat lama...” Umar al-Khattab r.a. beri pilihan kepada lelaki yang hilang tersebut untuk memilih antara mas kahwin atau isterinya.

(Riwayat *al-Baihaqī*)

Oleh itu, *al-Mafqud* tidak boleh dianggap sebagai telah meninggal dunia terus apabila ia hilang, dan harta *al-Mafqud* tidak boleh dijadikan sebagai harta pusaka kerana untuk mewarisi harta pusaka terdiri daripada tiga syarat, iaitu: Mati pemilik harta (*Mautu al-Muwarriṭh*), waris hidup ketika pemilik harta mati (*Hayatu al-Warīṭh Waqtu Mauti al-Muwarriṭh*) dan mengetahui salasilah ahli waris (*al-‘ilmu bi jihati al-irṭhi*) (Muhammad Mirabi, 2008). Matinya pemilik harta menjadi syarat utama dalam mewarisi harta pusaka, sedangkan *al-Mafqud* orang yang hilang, serta dalam tempoh pencarian. Maka segala harta *al-Mafqud* tidak boleh dianggap sebagai harta pusaka, dan *al-Mafqud* juga tidak dianggap sebagai ahli waris yang telah mati sehinggalah diputuskan oleh mahkamah sebagai mati *hukmi* atau *hakiki* melalui perintah anggapan mati.

Dalam pentadbiran harta pusaka Islam, *al-Mafqud* berhak mewarisi harta pusaka daripada ahli warisnya selagi tidak ada bahan bukti yang menunjukkan bahawa dia (*al-Mafqud*) telah mati atau selagi tidak dihukum telah mati *hukmi* oleh hakim melalui anggapan mati (Wan Abdul Halim, 2006). Kelayakan bagi seseorang ahli waris untuk mewarisi harta pusaka adalah dengan syarat waris tersebut masih hidup ketika matinya pemilik harta. Maka hukum *al-Mafqud* juga diambil kira oleh fuqaha kerana akan memberikan kesan bagi memutuskan dan menentukan sesuatu hukum dalam pembahagian harta pusaka orang Islam.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BAGI KES *AL-MAFQUD*

Secara asasnya perundangan pusaka Islam ialah undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah dan rasul-Nya dalam mentadbir harta pusaka berpandukan al-Quran, sunnah dan persepakatan ahli fuqaha. Oleh itu, pada awalnya perundangan pusaka Islam ini hanya merujuk dalil sama ada sumbernya daripada al-Quran, sunnah atau persepakatan ahli fuqaha sahaja dan tiada penggubalan dalam bentuk undang-undang substantif dilakukan.

Negara Sudan ialah negara pertama yang menggubal peruntukan harta pusaka orang Islam dalam bentuk undang-undang substantif pada tahun 1925.

Mesir pula mula menggubal undang-undang harta pusaka yang khusus pada tahun 1943. Selepas Perang Dunia Kedua, beberapa negara Islam seperti Syria telah mula menggubal undang-undang harta pusaka dan wasiat melalui *Syrian Code of Personal Status* yang diluluskan melalui Dekri Presiden pada tahun 1953. Tunisia pada tahun 1956. Lubnan pula berpandukan *Ottoman Law of Family Rights* 1917 pada tahun 1956. Maghribi pada tahun 1957. Kuwait pada tahun 1971. Jordan pada tahun 1976. Seterusnya Algeria pada tahun 1984 (Jasni, 2011).

Terdapat juga negara Islam di Asia Tenggara yang menggubal perundangan Islam termasuklah kes harta pusaka seperti negara Singapura telah memperuntukkan undang-undang harta pusaka Islam melalui *Administration of Muslim Law Act No. 27 of 1966* dalam Bahagian Ketujuh (VII) dengan 15 perkara. Filipina juga mempunyai peruntukan undang-undang substantif berhubung pusaka dan wasiat Islam dalam *Muslim Personal Law* melalui *Presidential Decree No. 1083* yang diluluskan pada 4 Februari 1977 dengan berpandukan mazhab Syafii. Indonesia telah menggubal undang-undang pusaka Islam dalam Buku Kedua (II), Kompilasi Hukum Islam 1991 yang berteraskan mazhab Syafii (Tajul Aris *et al.*, 2005).

Menurut Tajul Aris *et al.* (2005), sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, pentadbiran undang-undang harta pusaka yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dipengaruhi oleh adat Hindu dan adat tempatan, iaitu adat Temenggung dan adat Perpatih yang terdapat di sebahagian besar negeri di semenanjung Malaysia. Islam telah mula bertapak kukuh di Tanah Melayu seawal abad ke-14. Undang-undang asas dalam kes pewarisan di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah ialah undang-undang Islam. Namun begitu, situasi ini tidak berkekalan apabila penjajahan British bermula, British telah memperkenalkan undang-undang Inggeris di Tanah Melayu.

Di Malaysia, terdapat empat agensi yang terlibat dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam, iaitu Mahkamah Syariah, Mahkamah Tinggi, Amanah Raya Berhad dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Siti Mashitoh Mahamood. 2006). Setiap agensi diperuntukkan bidang kuasa seperti yang berikut:

- (1) Amanah Raya Berhad (ARB): Mengendalikan harta si mati yang hanya meninggalkan harta alih sahaja dan nilainya tidak melebihi RM600,000 berpandukan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad (Akta 532).

- (2) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) seksyen Pembahagian Pusaka Kecil: Peringkat negeri atau daerah dikenali sebagai Unit Pembahagian Pusaka, mengendalikan harta si mati yang meninggalkan harta tak alih (tanah) sahaja atau harta tak alih berserta dengan harta alih seperti duit simpanan di bank dan sebagainya dan nilainya tidak melebihi RM2 juta dan tidak berwasiat mengikut Akta Wasiat 1959. Undang-undang berkuat kuasa ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).
- (3) Mahkamah Tinggi Sivil (MT): Mengendalikan harta si mati yang meninggalkan sama ada harta tak alih (tanah) atau harta alih yang nilainya melebihi RM2 juta atau harta berwasiat (bagi bukan Islam) walaupun nilainya kurang daripada RM2 juta. Mahkamah Tinggi juga mengendalikan kes rayuan di bawah Seksyen 29, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Undang-undang yang dipakai ialah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).
- (4) Mahkamah Syariah (MS): Mengendalikan kes penentuan waris dan bahagian kepada setiap waris yang dikeluarkan dalam “Sijil Faraid”. Penentuan ini berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri atau Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). Di samping itu, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam hal berkaitan wasiat, hibah, wakaf, sah taraf anak, perkahwinan, harta sepencarian dan nasab. Semua ini berkaitan rapat bahkan keputusan Mahkamah Syariah tentang perkara di atas mempengaruhi pembahagian harta pusaka.

Pada masa kini undang-undang yang menetapkan peraturan pentadbiran harta pusaka di Malaysia melalui beberapa akta, iaitu:

- (1) Akta Probate dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).
- (2) Akta (Pembahagian) Harta Pusaka Kecil 1955 (Akta 98).
- (3) Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532).
- (4) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) serta Enakmen dan Ordinan Undang-undang Keluarga Islam.

Di samping itu, undang-undang sivil yang berkaitan juga menjadi rujukan antaranya termasuklah:

- (1) Kanun Tanah Negara 1965.
- (2) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.
- (3) Akta Hakmilik Strata.
- (4) Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri.
- (5) Akta Pengambilan Tanah 1960.
- (6) Akta Keterangan, 1950 (disemak 1971).
- (7) Akta Tafsiran 1948 & 1967.
- (8) Age of Majority Act 1971 (Act 21).
- (9) Guardianship of Infants Act 1961 (Act 351).
- (10) Akta Kontrak 1950.
- (11) Trustee Act 1949 (Act 208).
- (12) Power of Attorney Ordinance 1949.
- (13) Akta Surat Kuasa Wakil 1949 (Akta 424).

Hukum syarak yang berkaitan pula antaranya termasuklah:

- (1) Hukum faraid.
- (2) Hukum wasiat.
- (3) Hukum hibah.
- (4) Harta sepencarian.
- (5) Ilmu nasab dan kedudukan status taraf anak atau anak angkat.

Secara spesifik tiada peruntukan undang-undang di negara ini dalam bentuk substantif dilakukan yang merangkumi secara keseluruhan termasuklah kaedah pengiraan dan cara pembahagian mengenai pentadbiran harta pusaka orang Islam bagi kes *al-Mafqud*. Secara umumnya, pentadbiran harta pusaka orang Islam bagi kes *al-Mafqud* di negara ini mempunyai peruntukan undang-undang secara bertulis yang telah dikanunkan untuk menentukan tempoh *al-Mafqud* yang dikenali sebagai anggapan mati, seperti yang termaktub dalam peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002.

Seterusnya Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003, Enakmen Keluarga Islam (Negeri Perak) 2004, Enakmen Undang-undang

Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sabah) 1992, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Perlis) 1991 dan Ordinan Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sarawak) 2001 serta Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Pindaan 2010). Semua akta dan enakmen undang-undang keluarga Islam ini memperuntukkan tempoh selama empat tahun bagi *al-Mafqud* kecuali dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) 1985 yang memperuntukkan tempoh bagi *al-Mafqud* tujuh tahun.

Terdapat juga peruntukan undang-undang dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kedah) 1989, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2005, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 2004, Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sarawak) 2001, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Perak) 2004.

Semua akta dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah ini memperuntukkan bahawa tempoh bagi *al-Mafqud* ialah empat tahun, manakala dalam seksyen 108, Akta Keterangan 1950 (Akta 56) memperuntukkan tempoh bagi *al-Mafqud* tujuh tahun. Semua peruntukan dalam undang-undang ini adalah untuk membolehkan hakim mengeluarkan perintah anggapan mati kepada waris yang hilang sahaja, tidak merangkumi kaedah pengiraan dan cara pembahagian harta pusaka orang Islam bagi kes *al-Mafqud*.

ISU AL-MAFQUD DALAM PERUNDANGAN MALAYSIA

Undang-undang pentadbiran harta pusaka di Malaysia tertakluk pada batasan-batasan yang digariskan oleh undang-undang persekutuan (Tajul Aris *et al.*, 2005). Oleh yang demikian, pentadbiran harta pusaka bagi kes *al-Mafqud* perlu dirujuk kepada peruntukan undang-undang negara. Didapati bahawa terdapat dua isu berkaitan kes *al-Mafqud* dari sudut perundangan, iaitu:

Perbezaan antara Peruntukan Undang-undang di Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil

Menurut Mohamed Hadi Abdul Hamid (2014), terdapat dua undang-undang berasingan yang menyentuh soal anggapan mati (*Presumption of Death*) bagi *al-Mafqud*. Perbezaan ketara antara kedua-dua peruntukan undang-undang tersebut ialah tempoh masa yang diperlukan bagi membentuk anggapan bahawa *al-Mafqud* itu telah pun meninggal dunia. Undang-undang sivil meletakkan tujuh tahun manakala undang-undang syariah menetapkan empat tahun sebagai tempoh yang perlu untuk membentuk anggapan mati *al-Mafqud*.

Undang-undang sivil memperuntukkan bahawa seseorang itu boleh dianggap sebagai telah mati atau meninggal dunia oleh hakim melalui perintah anggapan mati apabila ahli waris mengemukakan serta membuktikan bahawa mereka tidak mendapat khabar berita tentang diri orang yang hilang itu dalam tempoh tujuh tahun, seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 108. Akta Keterangan 1950. Akta 56, memperuntukkan:

Apabila soalnya sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama tujuh tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.

Seksyen 108, Akta Keterangan 1950 ini telah memperuntukkan seorang *al-Mafqud* itu boleh dianggap sebagai mati *hukmi* atau boleh mendapatkan perintah anggapan mati daripada Mahkamah Sivil setelah menunggu selama tujuh tahun, di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sivil. Peruntukan undang-undang syariah pula memperuntukkan tempoh *al-Mafqud* boleh dianggap sebagai mati *hukmi* dengan mendapatkan perintah anggapan mati yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah setelah menunggu selama empat tahun sahaja, seperti yang termaktub dalam seksyen 80, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Akta 561, memperuntukkan seperti yang berikut:

Apabila soalnya sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.

Peruntukan ini diperkukuh dengan seksyen 53(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Akta 303, yang menyebut bahawa:

Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut hukum syarak sebagai telah mati, maka mahkamah boleh, atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh.

Pengkaji berpendapat bahawa peruntukan antara undang-undang sivil dengan undang-undang syariah dalam kes *al-Mafqud* ini mempunyai perbezaan dalam menentukan tempoh orang yang hilang. Perkara ini akan membawa kepada konflik perundangan kerana Mahkamah Sivil menetapkan tujuh tahun manakala Mahkamah Syariah menetapkan empat tahun bagi kes yang sama, iaitu tempoh anggapan kematian terhadap orang yang hilang. Masyarakat juga akan menjadi keliru terhadap perkara ini, adakah perlu menunggu selama empat tahun mengikut undang-undang syariah atau tujuh tahun mengikut undang-undang sivil untuk mendapatkan perintah anggapan kematian.

Perbezaan Peruntukan Undang-undang di Mahkamah Syariah antara Negeri-negeri

Antara isu *al-Mafqud* dalam aspek perundangan di Malaysia didapati terdapat perbezaan peruntukan undang-undang syariah antara negeri-negeri di negara ini. Peruntukan undang-undang syariah dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Akta 303, dan Ordinan Keterangan Syariah Sarawak 1991, serta Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri seluruhnya memperuntukkan seperti yang berikut (Seksyen 80. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001):

Apabila soalnya ialah sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang sepatutnya mendengar khabar mengenainya

jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.

Peruntukan ini telah menetapkan tempoh anggapan kematian terhadap orang yang hilang (*al-Mafqud*) adalah perlu menunggu selama empat tahun, tiada perbezaan dalam peruntukan undang-undang ini antara negeri-negeri di negara ini semuanya adalah sama, iaitu menetapkan selama empat tahun.

Dalam peruntukan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, Akta 505, dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 2001, serta Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah dan Selangor kecuali negeri Terengganu) memperuntukkan seperti berikut (Seksyen 54, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003):

(1) Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut hukum syarak sebagai telah mati, maka mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan, suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 53.

Peruntukan ini memperuntukkan tempoh *al-Mafqud* selama empat tahun, tetapi Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) memperuntukkan tempoh *al-Mafqud* selama tujuh tahun, seperti yang termaktub dalam seksyen 50(1). Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) 1985, memperuntukkan seperti yang berikut:

Jika suami seseorang perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh tujuh tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap menurut hukum syarak sebagai telah mati, tetapi perakuan kematian di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] tidak dapat diperoleh,

mahkamah boleh, atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa penyiasatan yang wajar, mengeluarkan, dalam borang yang ditetapkan, suatu perakuan menganggap suami itu telah mati, dan kemudian daripada itu perempuan itu adalah bebas berkahwin semula mengikut enakmen ini.

Dalam peruntukan ini terdapat perbezaan antara Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu dengan negeri-negeri yang lain. Negeri Terengganu menetapkan tempoh anggapan kematian terhadap orang yang hilang (*al-Mafqud*) perlu menunggu selama tujuh tahun, berbeza dengan negeri-negeri lain yang menetapkan tempoh anggapan kematian terhadap orang yang hilang (*al-Mafqud*) perlu menunggu selama empat tahun.

Peruntukan undang-undang di negara ini khususnya dalam pentadbiran harta pusaka bagi kes *al-Mafqud* didapati tiada keselarasan dalam penentuan tempoh yang perlu ditunggu oleh ahli waris untuk mendapatkan perintah anggapan mati daripada mahkamah bahawa *al-Mafqud* telah pun mati. Maka adalah sukar bagi pengamal undang-undang untuk membuat ketetapan dalam isu pentadbiran harta pusaka bagi kes *al-Mafqud* kerana ketiadaan keselarasan peruntukan undang-undang tersebut seperti isu peruntukan undang-undang dalam Seksyen 108. Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dengan peruntukan undang-undang dalam seksyen 80. Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) dan Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu dengan negeri yang lain yang mempunyai percanggahan ketetapan undang-undang dalam menentukan tempoh *al-Mafqud*.

KESIMPULAN

Perundangan Islam merupakan sistem perundangan yang syumul (sempurna) merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia, yang telah mensyariatkan hukum faraid secara Naş dan menentukan kadar pembahagiannya. Oleh itu, pembahagian harta pusaka terutamanya bagi kes *al-Mafqud* mesti dirujuk kepada hukum syarak berdasarkan dalil yang telah ditetapkan. Terdapat undang-undang yang telah digubal di negara ini berhubung dengan pentadbiran harta pusaka, namun masih tidak mencakupi seluruh aspek hukum faraid terutamanya dalam kes *al-Mafqud*. Oleh itu, penambahbaikan dalam peruntukan undang-undang adalah perlu agar selaras ketetapannya antara negeri-negeri di Malaysia. Pengkaji melihat dalam peruntukan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, Akta 505, dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 2001, serta

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah dan Selangor) semuanya memperuntukkan tempoh *al-Mafqud* adalah selama empat tahun, kecuali Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu sahaja yang memperuntukkan tujuh tahun.

Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu yang memperuntukkan tempoh *al-Mafqud* adalah selama tujuh tahun wajar dipinda kepada empat tahun sahaja, ini adalah untuk penyelarasan undang-undang di Mahkamah Syariah antara negeri-negeri agar tiada percanggahan antara satu dengan yang lain.

RUJUKAN

- Administration of Muslim Law Act No. 27 of 1996
Al-Baihaqī, Ahmad al-Ḥusain. 2003. Al-Sunan al-Kubrā. Beirut Lubnan. Dāru al-Kutub al-‘Alamiyah.
Age of Majority Act 1971 (Act 21).
Akta Hakmilik Strata
Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).
Akta Keterangan 1950 (Akta 56).
Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561).
Akta Kontrak 1950.
Akta Pengambilan Tanah 1960.
Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad (Akta 532).
Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).
Akta Surat Kuasa Wakil 1949 (Akta 424).
Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.
Akta Tafsiran 1948 & 1967
Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Akta 303.
Al-Bukhārī, Muhammad Ibn Ismail. 2004. Ṣahīh Bukhārī. Cairo Mesir, Dāru al-Afaq al-‘Arabiyyah.
Al-Lūḥim, Abdul Karim Muhammad. 1986. *Al-Farā’aid*. Riyad Arab Saudi. Maktabah al-Ma’ārif.

- Al-Ṭabarī. Muhammad Ibn Jarir. 2000. *Jāmi`u al-Bayān Fī Ta`wīl al-Quran*. Beirut Lubnan. Mu`assasah al-Risālah.
- Enakmen Keluarga Islam (Negeri Perak) 2004.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kedah) 1989.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Perak) 2004.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Perlis) 1991.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sabah) 1992.
- Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) 1985.
- Guardianship of Infants Act 1961 (Act 351).
- Halimatun Sa`adiyah Mohd Mahdee. 2012. *Pemohonan anggapan mati dari aspek kekeluargaan Islam: Kajian di mahkamah syariah di Malaysia* (Tesis Ijazah Sarjana Syariah tidak diterbitkan). Kuala Lumpur Malaysia. Universiti Malaya.
- Hilmi Haniz Muhammad. 2013. *Fajar faraidh*. Selangor Malaysia. Akademi al-Ghazali Sdn. Bhd.
- Ibrahim bin Lembut (2013). *Al-Mafqud: Problematika dan penyelesaian harta orang hilang menurut perundangan syariah di Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Riau, Indonesia : Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Imam Abu Dawud (2007, No. Hadis: 2869, p. 86). Al-Ṣibhānī (2007). *Sunan Abi Dawud*. Cairo, Mesir : Dāru Ibnu al-Haitham.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kenyataan Media. 29 Januari 2015.
- Jasni Sulong. 2011. *Pembaharuan undang-undang pentadbiran pusaka Islam*. Pulau Pinang Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
- Kanun Tanah Negara 1965.
- Mohamed Hadi Abdul Hamid. (2014). Anggapan kematian al-Mafqud menurut undang-undang sivil dan syariah: Satu penilaian semasa. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 26 (1), 26-37.
- Muhammad Mirābī. 2008. *Al-Raḥbīyah Fī `Ilmi al-Farā`aiḍ*. Bairut Lubnan. Mu`assasah al-Risālah Nāshirūn.
- Nasir Muhammad al-Ghāmīdī. 2011. *Al-Khulāsah Fī `Ilmi al-Farā`aiḍ*. Makkah EAU. Darul Ṭaiyibah al-Khaḍrā`.
- Ordinan Keterangan Syariah Sarawak 1991.

Ordinan Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sarawak) 2001.

Power of Attorney Ordinance 1949.

Presidential Decree No. 1083

Siti Mashitoh Mahamood. 2006. *Harta amanah orang Islam di Malaysia perspektif undang-undang dan pentadbiran*. Kuala Lumpur Malaysia. Universiti Malaya.

Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib. (2005). *Kaedah perundangan bidang kuasa dan tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Trustee Act 1949 (Act 208).

Wan Abdul Halim Wan Harun. 2006. *Pengurusan dan pembahagian harta pusaka*. Kuala Lumpur Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diperoleh (*received*): 27 Februari 2019

Diterima (*accepted*) : 5 April 2019